

24 NOVEMBER 2017

## Kerana RM500

**HARIAN METRO**  
FOTO: ZAMAN HURI ISA

KAKITANGAN AADK dibawa keluar dari mahkamah, semalam.



**Kerana RM500**

■ **Kakitangan AADK terima suapan direman**

**Siti Nor Hidayatidayu Razali**  
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

**K**akitangan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) cabang Tanah Merah yang disyaki menerima suapan RM500 direman selama tujuh hari bermula semalam sehingga Rabu.

Perintah tahanan reman dikeluarkan Pendaftar Mahkamah Majistret Kota Bharu, Nor Faizah Abdullah.

Terdahulu, suspek yang berusia 50-an memakai baju lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Kota Bharu di sini, pada jam 10 pagi diiringi pegawai SPRM.

Pengarah SPRM Kelantan, Datuk Moh Shamsudin Yusof berkata, anggota itu ditahan selepas disyaki menerima suapan RM500 daripada seorang lelaki sebagai ganjaran menyelesaikan urusan tangkapan berikutan dia gagal dalam ujian saringan air kencing.

Katanya, menerusi ujian dilakukan, suspek didapati positif dadah dan susulan aduan itu pihaknya menahan anggota berkenaan pada jam 5.35 petang semalam (kelmarin) di bandar Tanah Merah.

"Anggota ini direman untuk siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

"Sabit kesalahan, dia boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun atau denda lima kali ganda daripada nilai suapan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Moh Shamsudin meminta orang ramai supaya bekerjasama dengan SPRM untuk memberi maklumat sekiranya mendapati orang di sekeliling memberi atau menerima rasuah bagi mengekang gejala tidak sihat itu.

**FAKTA**  
Suspek direman selama tujuh hari didapati positif dadah